

INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN PERLIS

ASAS KEUSAHAWANAN(ETR)

RANCANGAN PERNIAGAAN

DIA 5F

TAJUK  
KOMPENAN LUARAN RADIO

DISEDIAKAN UNTUK

EN. MOHD ZAIN IDRIS

DISEDIAKAN OLEH

AIZUDDIN B.ABD AZIZ	96799900
MOHD FUAD B. ABD WAHID	95424213
MOHD YUSRI B. RAZALI	95922258
MOHD NORAZHAR B. ABD RAHIM	95508542
ISMAIL B. HASHIM	95408186

05 SEPTEMBER 1998

## **ISI KANDUNGAN**

### **PERKARA**

### **MUKA SURAT**

1.	Muqaddimah	I
2.	Surat Penyerahan dan Penghargaan	II
3.	Logo	VI
4.	Sinopsis	VIII
5.	Pengenalan	1
6.	Tujuan penyediaan rancangan perniagaan	2
7.	Latar belakang Peniagaan	3
8.	Latar belakang Pemegang saham	5
9.	Rancangan Pentadbiran	10
10.	Rancangan Pemasaran	25
11.	Rancangan Operasi	45
12.	Rancangan Kewangan	58
13.	Rumusan	86
14.	Lampiran	87

## SINOPSIS RANCANGAN PERNIAGAAN

Sinopsis ini akan menerangkan secara kasar selok belok perniagaan yang akan kami jalankan.

### 1. Nama perniagaan

Nama perniagaan kami ialah AYFIN (M) Sdn. Bhd. Yang dijangkakan akan memulakan operasi pada 01 Januari 1999.

### 2. Bidang kegiatan

Kilang kami menjalankan aktiviti pengeluaran komponen luaran radio bagi membantu kilang-kilang pengeluaran radio seperti Sony ,Sharp dan lain-lain lagi.

### 3. Jenis perniagaan

Kami menjalankan perniagaan berbentuk syarikat sendirian berhad yang mana semua ahli lembaga pengarahnya adalah terdiri daripada kami berlima. setiap diantara kami memegang 20% saham didalam syarikat kami. Dari situlah syarikat kami mendapatkan modal dan kami juga merangkap pengurus di syarikat kami.

### 4. Lokasi

Lokasi perniagaan kami terletak di alamat

No 66, Jalan Pinang Tunggal 2,  
Kempas Light Industry,  
08000 Sungai Petani ,  
Kedah Darulaman

### 5. Jenis pengeluaran

Jenis barangan yang kami keluarkan ialah komponen luaran radio. Barangan kami dikeluarkan berdasarkan permintaan dari pihak pembeli.

6. Pasaran

Pasaran bagi pihak kami terbuka kepada dalam negara ataupun luar negara ,ini kerana kilang kami adalah mengikut permintaan dari syarikat pembeli.

7. Persaingan

Pada masa sekarang kami mempunyai dua pesaing di kawasan utara iaitu syarikat Laster (M) Sdn. Bhd. Dan juga Formula (M) Sdn Bhd.

8. Pengurusan

Pengurusan perniagaan kami adalah diletakkan di bahu kami berlima sebagai ahli lembaga pengarah. Ia terbahagikan kepada 5 bahagian iaitu :

<u>Nama</u>	<u>Jawatan</u>
Aizuddin B. Abd Aziz	Pengurus Besar
Fuad B. Abd Wahid	Pengurus Pentadbiran
Mohd Yusri B. Razali	Pengurus Operasi
Mohd Norazhar B. Abd Rahim	Pengurus Kewangan
Ismail B. Hashim	Pengurus Pemasaran

## **1.0 PENGENALAN**

Syarikat yang ditubuhkan ini ,AYFIN (M) Sdn. Bhd., merupakan sebuah Syarikat Sendirian Berhad yang mana dianggotai oleh lima orang pemegang saham .Syarikat Ini terletak di alamat No 66, Jalan Pinang Tunggal 2, Kempas Light Industry, 08000 Sg. Petani,Kedah Darulaman.dan dijangkakan akan beroperasi pada 1 Januari 2000.

Kilang ini ditubuhkan bertujuan membekalkan komponen-komponen luaran bagi kilang-kilang yang mengeluarkan barangan eletronik. Tujuan kilang ini juga adalah untuk membantu syarikat-syarikat yang mengeluarkan barangan eletronik meminimumkan kos penyimpanan barangan (gudang). Kebanyakan syarikat yang mengeluarkan komponen luaran Radio ini adalah di monopolikan oleh kaum bukan bumiputera,oleh itu ini membuatkan lagi keinginan kami untuk memecahkan monopoli kaum bukan bumiputera.

Syarikat kami merupakan syarikat bumiputra dimana semua tenaga kerja adalah dari kaum bumiputra .Dengan penubuhan Syarikat kami , kami berharap dapat menyumbangkan peluang-peluang pekerjaan kepada pekerja tempatan khasnya orang melayu.Dari segi permintaan komponen luaran radio kami bukan sahaja menumpukan kepada pasaran dalaman negara tetapi kami juga menumpukan kepada luar negara oleh itu kami melihat perniagaan yang kami lakukan ini mempunyai prospek masa depan yang cerah.